Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, menyelenggara serta melaksanakan pengurusan dan pembangunan ladang hutan, operasi pemadaman kebakaran hutan, serangan penyakit pokok serangga dan aktiviti pasukan perolehan biji benih dan bahan tanaman di seluruh Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak.

Selain itu, seksyen ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan serta pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang telah ditubuhkan.



Penolong Pengarah
Puan Ngu Mooi Yean

Penolong Pegawai
Cik Surayati binti Mohd Azhari
Puan Noripah binti Khalid

Penolong Pemelihara Hutan
Encik Mohd Fakhri bin Mat Radzi

Dari kiri :
Masturaidayu binti Che Ri, Megat Nor Ismail bin Megat Saari, Surayati binti Mohd Azhari (duduk), Mohamad Baharom bin Rohani, Ngu Mooi Yean (duduk), Mohd Fakhri bin Mat Radzi, Noripah binti Khalid (duduk), Harimanali bin Mohd Rasdi, Hamali bin Alias, Rushiah binti Sujak (duduk)

Tiada dalam gambar :
Abdul Razak bin Wahi, Shamsuri bin Mohammad, Suhaimi bin Ibrahim

HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan menyelenggara lesen-lesen yang berkaitan pengusahaan berdasarkan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, batu batan (kuari) dan lain-lain; Program, latihan,

kursus tahunan serta peperiksaan perkhidmatan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak; dan Aktiviti pengembangan perhutanan melalui ceramah dan kempen kesedaran.



Penolong Pengarah

Puan Norlida binti Kamil
(Tanggung Tugas)

Penolong Pegawai

Puan Shuhada binti Sariban (Hutan Bukan Kayu)
Puan Tinarossima binti Badiauzaman (Latihan)


Penolong Pemelihara Hutan

Encik Hadil Aza bin Turidi

Dari kiri :

Mohd Sahid Bin Husain, Shuhada Binti Sariban, Shahru Hisham bin Abdul Karim (duduk), Hadil Aza bin Turidi, Norlida binti Kamil (duduk), Rosazlina binti Rosdi (duduk), Tinarossima binti Badiauzaman, Zailatul Akmar binti Abdullah

PEJABAT HUTAN DAERAH



Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK



Pegawai Hutan Daerah

Encik Azrul Ekhuan bin Eliah

Penolong Pegawai Hutan Daerah

Encik Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini

Penolong Pemelihara Hutan

Encik Hilmi bin Hamad,
Encik Muhammad Suhaimi bin Abd Majid,
Encik Ahmad Nizam bin Ngah

Dari kiri :

Ahmad Dzukifli bin Kama, Jefry bin Khalid, Ahmad Nazren Amir bin Ahmad Abdullah, Huda Husna binti Mohd Amin, Mohamed Ozzy Suhimi bin Osman, Norzalita binti Mustaffa, Hilmi bin Hamad, Thiyyagu a/l Muniandy, Muhammad Suhaimi bin Abd Majid, Ahmad Nizam bin Ngah, Muhammad Shahru Anuar bin Hasaini, Shaharulnizam bin Shah Bazil, Surindran a/l Letchamanan, Azrul Ekhuan bin Eliah, Mohd Zulhazimi bin Mohd Tajudin, Samsul Rizal bin Idris, Syed Huzaili bin Syed Husin, Encik Afizam bin Arifin, Saharudin bin Jelani, Encik Mohamad Juraimi bin Jaafar, Mohd Rozaiful bin Ramli, Saliza binti Baharom, Noranizah binti Mohamed

PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG



Pegawai Hutan Daerah
Puan Siti Syafiqah Binti Yusof

Penolong Pegawai Hutan Daerah
Encik Khairulrizal Bin Abu Kassim

Penolong Pemelihara Hutan
Encik Shaier Shah Bin Mohd Mukhtar
Encik Mohd Jamil Bin Yusop
Puan Zuraini Binti Sarudin

Dari kiri :
Mohamad Shahrir bin Mohamad Saad, Muhamad Radzuan bin Shaari, Mohd Faizal bin Mat Nordin, Nor Azimah binti Zakaria, Normie Aziela binti Mat Nasir, Mat Radi bin Hamid, Nazrur Rizal bin Nazlan, Ahmad Daud bin Mohamed Isa, Salehuddin bin Ibrahim Asta, Shaier Shah bin Mohd Mukhtar, Ahmad Fauzi bin Zainal Abidin, Mohd Jamil bin Yusop, Khairulrizal bin Abu Kassim, Siti Syafiqah binti Yusof (duduk), Zuraini bin Sarudin (duduk), Norasiah binti Mihan, Mohd Kamal bin Adnan, Rosmainie bin Mohd Tahir, Suraya Lee binti Abdullah (duduk), Muhammad Haidir bin Saleh, Nurul Nadia binti Mohamad Abadi, Azhar bin Ahmad Jidin

PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR



Pegawai Hutan Daerah

Encik Mohd Hafiz bin Samsudin

Penolong Pegawai Hutan Daerah

Puan Murni binti Samsuddin

Penolong Pemelihara Hutan

Encik Mohd Merzuki bin Mat Salleh

Encik Hasrizal bin Hussin

Encik Mohd Salleh bin Kamaruddin

Encik Khairulrizal bin Abu Kassim

Dari kiri :

Yuvaneswari a/p Balan, Khairul Natasha binti Ismail, Mohamad Fadzli bin Mat Nuri, Mohd Merzuki bin Mat Salleh, Sulaiman bin Salleh, Norliana binti Kamaruddin, Hasrizal bin Hussin, Mohd Hafiz bin Samsudin (duduk), Azizah binti Zubir, Mohamad Amerudin bin Abdullah, Rohaizad bin Mohd, Murni binti Samsuddin (duduk), Hanizar bin Ismail, Mohd Salleh bin Kamaruddin, Kamalul Bahrin bin Muhamad Rashdi, Nor Khairunnisa binti Abd Malek, Khairulrizal bin Abu Kassim, Muhammad Shamil bin Norzan, Rohizan binti Abdul Talib

PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT & MATANG



Pegawai Hutan Daerah
Encik Khairil bin Sarip

Penolong Pegawai Hutan Daerah
Encik Kadri bin Shaari
Encik Mohd Fekri bin Zulkafli

Dari kiri :

Abdul Moen bin Ahmad, Mohd Fairus bin Salleh, Jamaluddin bin Ahmad, Mohamad Rohaizal bin Abu Hassan, Abdul Razak bin Wahi, Mohamad Rosli bin Yusof (duduk), Hairudin bin Abdul Hadi, Norhidayu binti Mohamed Yusof, Kadri bin Shaari, Maznah binti Mohamed Noor, Wan Azliyah binti Ahmad (duduk), Muhamad Zaki bin Redzuan, Norlila binti Ramli, Khairil bin Sarip (duduk), Mohd Fekri bin Zulkafli, Azizah binti Mohamad Nor, Roslan bin Rus, Mohamad Inis bin Mohamed Yusof, Mohd Zamzuri bin Osman (duduk), Khairullah bin Abd Latiff, Abdul Halim bin Hassim, Ahmad Zamri bin Mat Isa, Siti Nurlela binti Ali, Zarina binti Ahmad

PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN



Pegawai Hutan Daerah

Encik Khairul Na'im bin Ya'akub

Penolong Pegawai Hutan Daerah


Puan Mis Maizura binti Amat Kaulan

Penolong Pemelihara Hutan

Encik Ahmad Nazeri bin Shahabuddin,
Encik Mohd Fauzi bin Mohd Hassan

Dari kiri :

Mohd Asri bin Ramli, Anuar bin Bahak, Muhammad Nasir bin Yahya, Mohd Faisal bin Lokman, Azhari bin Hashim, Mohd Azli bin Markawi (duduk), Shahru Anuar bin Yaakub, Mohd Shahrom bin Wahie (duduk), Zulkifli bin Brahim, Azman bin Abd. Jamal, Abd Razak bin Mat Isa (duduk), Mohamad Ridzuan bin Harun, Dhoruri bin Ghazali (duduk), Nor Azura binti Mohd Tarmizi, Hamizah binti Abd. Hamid, Ahmad Nazeri bin Shahabuddin, Mis Maizura bin Amat Kaulan, Nabila Natasya binti Zamlut, Khairul Na'im bin Ya'akub, Mohd Zulikefli bin Hussain, Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Mohd Arif bin Ahmad Darbi (duduk), Noorhadzilah binti Shafie, Mohammad Nizam bin Mohamed Nazir (duduk), Mohd Ibrahim bin Musa, Redzuan bin Mat Isa, Mohammed Johari bin Busu (duduk), Mohd Bakri bin Ismail, Mohd Idris bin Harun (duduk), Ahmad Muzammir bin Mohamed Yusoff, Hairul Anuar bin Hassan (duduk), Nasaruddin bin Omar



PROFIL PERHUTANAN


Taman Ekologis Kledang Saiong

PEJABAT PERHUTANAN NEGERI



1. Keluasan Tanah (ha)	: 2,105,191.00 ha
2. Tanah Berhutan (ha)	: 1,013,156.10 ha
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	: 1,092,034.09 ha
4. Sumber Hutan	
4.1. HSK (ha)	: 988,591.03 ha
4.2. CHSK	: 2,257.67 ha
4.3. Ladang Hutan (ha)	: 7,260.55 ha
4.4. Tanah Kerajaan (ha)	: 19,146.40ha
4.5. Taman Hidupan Liar (ha)	
4.5.1. Dalam HSK	: 0.00 ha
4.5.2. Luar HSK	: 8,058.00 ha
5. CTT (Untuk HSK - ha)	: 9006.00

**PETA MAKLUMAT SUMBER HUTAN
NEGERI PERAK 2019**





PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

1. Keluasan Tanah (ha) : 656,044.00

2. Tanah Berhutan (ha) : 450,976.99

3. Tanah Tidak Berhutan (ha) : 205,067.01

4. Sumber Hutan

- a. Hutan Simpanan Kekal (ha) : 448,979.18
- b. Jenis Hutan (ha)
 - Hutan Darat : 448,979.18
 - Hutan Paya Laut : -
- c. Keluasan (ha) Yang dikeluarkan untuk Pengusahaan
 - Hutan Simpan : 4,172.00
 - Tanah Kerajaan : 395.42
 - Tanah Milik : 83.2246
- d. Pengeluaran (m³)
 - Kayu Balak : 265,216.28
 - Hasil Hutan Lain
 - i) Buluh : -
 - ii) Bahan Batu : -
 - iii) Tanah Merah : -

5. Industri Hutan

- a. Bilangan
 - Kilang Papan : 12 (Beroperasi : 12)
 - Kilang Papan Lapis/Venir : 3 (Beroperasi : 3)
 - Kilang Kayu Kumai : 1 (Beroperasi : 1)
 - Kilang Perabot : -
- b. Penggunaan Kayu (m³)
 - Kilang Papan : 363,310.37
 - Kilang Papan Lapis/Venir : 17,330.43
 - Kilang Kayu Kumai : -
- c. Pengeluaran (m³)
 - Kilang Gergaji : 74,044.60
 - Kilang Papan lapis/Venir : -
 - Kilang kayu Kumai : -
- d. Bilangan Pekerja
 - Bumiputera : 103 orang
 - Bukan Bumiputera : 42 orang
 - Bukan Warganegara Malaysia : 89 orang
 - Jumlah : 234 Orang

BIL.	HSK	NO. WARTA	TARIKH WARTA	KELUASAN (HA)
1.	Padang Chong	2997	09.10.1914	1,044.10
2.	Lepang Nenering	2578	28.08.1914	3,808.00
3.	Papulut	2423	04.05.1923	11,540.71
4.	Bintang Hijau (HPK Sahaja)	960	20.02.1925	52,439.97
5.	Belukar Semang	917	04.07.1991	8,394.20
6.	Belum	806	06.06.1991	117,500.00
7.	Banding	581	29.03.2012	16,667.00
8.	Kenderong	1085	01.08.1991	6,619.20
9.	Gerik	1379	10.10.1991	37,220.00
10.	Temengor	1378	10.10.1991	148,870.00
11.	Gunung Lang	805	06.06.1991	1,419.00
12.	Sungai Kuak	1340	07.12.1989	1,499.00
13.	Ayer Chepam	182	27.02.1992	23,092.00
14.	Amanjaya	786	09.05.2013	18,866
JUMLAH BESAR				448,979.18

PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA / MANJUNG



1. Keluasan Tanah (ha)	: 449,930
2. Tanah Berhutan (ha)	: 104,093.58
3. Tanah Tidak Berhutan (ha)	: 347,248.07
4. Sumber Hutan	
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	: 101,068.69
b. Jenis Hutan (ha)	
• Hutan Darat	: 96,770.75
• Hutan Paya Laut	: 1,695.15
c. Keluasan (ha) Yang dikeluarkan untuk Pengusahaan Silian	
• Hutan Simpan	: 493
• Tanah Kerajaan	: -
• Tanah Milik	: 131.91
d. Pengeluaran (m³)	
• Kayu Balak	: 932,267.03
• Hasil Hutan Lain	
i) Buluh	: -
ii) Bahan Batu	: 2,629,038.23
iii) Tanah Merah	: -

5. Industri Hutan	
a. Bilangan	
Kilang Papan	: 45 (Beroperasi : 41)
Kilang Papan Lapis/Venir	: 4 (Beroperasi : 3)
Kilang Kayu Kumai	: 5 (Beroperasi : 4)
Kilang Perabot	: 93 (Beroperasi : 76)
b. Penggunaan Kayu (m³)	
Kilang Papan	: 175,613.21 m³
Kilang Papan Lapis/Venir	: 31,954.88 m³
Kilang Kayu Kumai	: 10,458.06 m³
c. Pengeluaran (m³)	
Kilang Gergaji	: 133,954.87 m³
Kilang Papan lapis/Venir	: 14,562.68 m³
Kilang kayu Kumai	: 9,990.72 m³
d. Bilangan Pekerja	
Bumiputera	: 360 orang
Bukan Bumiputera	: 544 orang
Bukan Warganegara Malaysia	: 634 orang
Jumlah	: 1,538 Orang

BIL.	HSK	NO. WARTA	TARIKH WARTA	KELUASAN (HA)
1.	Bukit Kinta	6158	29.08.1930	68,187.04
2.	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	9,958.23
3.	Parit	197	04.01.1910	940.50
4.	Bubu	547	11.02.1921	6,597.14
5.	Segari Melintang	350	03.05.1956	5074.90
6.	Batu Undan	31	03.01.1930	652.05
7.	Teluk Muroh	816	28.10.1948	476.48
8.	Gunung Tunggal	1972	24.08.1928	253.53
9.	Lumut	5354	10.10.1940	283.50
10.	Teluk Kopiah	1337	11.08.1922	218.70
11.	Pangkor Utara	119	27.01.1911	182.60
12.	Tanjung Hantu	241	10.02.1928	159.85
13.	Pangkor Selatan	119	27.01.1911	319.95
14.	Sg. Pinang	119	27.01.1911	622.99
15.	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,625.01
16.	Kota Siam	1155	27.11.1956	396.09
17.	Kampar	6159	29.08.1930	432.30
18.	Pulau Tiga	40	04.01.1912	159.70
19.	Kampung Gajah	4326	17.06.1932	74.27
20.	Tanjung Burung	1057	04.02.1903	1628.18
21.	Lekir	379	12.02.2015	616.00
22.	Teluk Batik	-	-	209.68
JUMLAH BESAR				101,068.69



PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

1. Keluasan Tanah (ha) : 358,617.00

2. Tanah Berhutan (ha) : 222,767.18

3. Tanah Tidak Berhutan (ha) : 135,849.82

4. Sumber Hutan

a. Hutan Simpanan Kekal (ha) : 209,180.65

b. Jenis Hutan (ha)

- Hutan Darat : 209,180.65
- Hutan Paya Laut : -

c. Keluasan (ha) Yang dikeluarkan untuk Pengusahaan

- Hutan Simpan : 2,940
- Tanah Kerajaan : -
- Tanah Milik : 97.14

d. Pengeluaran (m³)

- Kayu Balak : 172,935.93
- Hasil Hutan Lain
 - i) Buluh : 80,500 batang
 - ii) Rotan : 36,330 batang

5. Industri Hutan

a. Bilangan Kilang Papan : 17 (Beroperasi : 15)
Kilang Papan Lapis/Venir : 2 (Beroperasi : 2)
Kilang Perabot : 24 (Beroperasi : 22)

b. Penggunaan Kayu (m³)

Kilang Papan : 91,085.88
Kilang Papan Lapis/Venir : 788.04

c. Pengeluaran (m³)

Kilang Gergaji : 65,568.33
Kilang Papan lapis/Venir : 442.04

d. Bilangan Pekerja

Bumiputera : 479 orang
Bukan Bumiputera : 318 orang
Bukan Warganegara Malaysia : -
Jumlah : 797 Orang

BIL.	HSK	NO. WARTA	TARIKH WARTA	KELUASAN (HA)
1	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	16,896.70
2	Bubu	547	11.02.1921	18,150.93
3	Piah	164	29.01.1915	72,190.46
4	Bukit Payong	5624	14.09.1928	208.85
5	Korbu	772	31.01.1931	83,113.90
6	Bintang Hijau	960	20.02.1925	10,569.01
7	Bukit Larut	100	21.01.1910	8,050.80
JUMLAH BESAR				209,180.65



PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT & MATANG



1. Keluasan Tanah (ha) : 370,323.0

2. Tanah Berhutan (ha) : 129,895.0

3. Tanah Tidak Berhutan (ha) : 240,337.0

4. Sumber Hutan

a. Hutan Simpanan Kekal (ha) : 119,631.71

b. Jenis Hutan (ha)

- Hutan Darat : 79,110.52
- Hutan Paya Laut : 40,521.19

c. Keluasan (ha) Yang dikeluarkan

untuk Pengusahaan

- Hutan Simpan : 480.0
- Tanah Kerajaan : -
- Tanah Milik : -

d. Pengeluaran (m³)

- Kayu Balak : 18,497.30
- Hasil Hutan Lain
 - i) Kup Kayu Jaras (KKJ) : 501,858 Batang
 - ii) Kup Kayu Arang (KAK) : 857,931.82 Tan
 - iii) Kayu Api : 149,723.64 Tan
 - iv) Buluh & Rotan : -

5. Industri Hutan

a. Bilangan

- | | |
|--------------------------|------------------------|
| Kilang Papan | : 12 (Beroperasi : 8) |
| Kilang Papan Lapis/Venir | : - |
| Kilang Kayu Kumai | : - |
| Kilang Perabot | : 32 (Beroperasi : 29) |

b. Penggunaan Kayu (m³)

- | | |
|--------------------------|-------------|
| Kilang Papan | : 16,897.83 |
| Kilang Papan Lapis/Venir | : - |
| Kilang Kayu Kumai | : - |

c. Pengeluaran (m³)

- | | |
|--------------------------|-------------|
| Kilang Gergaji | : 11,573.08 |
| Kilang Papan lapis/Venir | : - |
| Kilang kayu Kumai | : - |

d. Bilangan Pekerja

- | | |
|----------------------------|-------------|
| Bumiputera | : 78 orang |
| Bukan Bumiputera | : 170 orang |
| Bukan Warganegara Malaysia | : 65 orang |
| Jumlah | : 313 Orang |

BIL.	HSK	NO. WARTA	TARIKH WARTA	KELUASAN (HA)
1	Bukit Larut	100	21.1.1910	7,343.10
2	Gunung Semanggol	639	12.10.1900	1,098.67
3	Asam Kumbang	1957	31.12.1909	0.41
4	Ijok	2579	28.8.1914	207.30
5	Pondok Tanjung	982	19.3.1913	8,495.27
6	Bubu	547	11.2.1921	12,910.35
7	Bintang Hijau	960	20.2.1925	47,081.62
8	Palong Tinggi	1124	26.6.1989	820.00
9	Bukit Naga	785	25.2.1921	1,153.80
Jumlah Keluasan Hutan Darat				79,110.52
10	Pulau Gula	1057	1903	1,240.00
11	Cabai Malai	82	1904	1,254.00
12	Pulau Kalumpang	1057	1903	4,090.00
13	Sungai Baharu	1563	1906	931.00
14	Sungai Sepetang	1563	1906	845.00
15	Pulau Kecil	2862	1911	44.00
16	Pulau Selinsing	1057	1903	2,944.00
17	Jebong	1563	1906	877.00
18	Jebung (Tambahan)	747	1.7.2004	72.00
19	Pulau Sangga Besar	1903	1057	3,403.00
20	Pulau Sangga Kecil	1903	1057	1,180.00
21	Teluk Kertang	1562	1906	1,250.00
22	Sungai Limau	1563	1906	2,958.00
23	Pulau Trong Utara	99	1902	2,910.00
24	Trong	1563	1906	721.00
25	Pulau Trong Selatan	99	1902	4,966.00
26	Sungai Temerlok	1563	1906	2,869.00
27	Pulau Sungai Nibong	1563	1906	795.00
28	Pulau Pasir Hitam	99	1902	4,704.00
29	Sungai Tinggi	1563	1906	2,235.00
Jumlah Keluasan Paya Laut Matang				40,521.19
JUMLAH KESELURUHAN				119,631.71



PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN



1. Keluasan Tanah (ha) : 449,930

2. Tanah Berhutan (ha) : 119,024.66

3. Tanah Tidak Berhutan (ha) : 330,905.31

4. Sumber Hutan

a. Hutan Simpanan Kekal (ha) : 114,506.64

b. Jenis Hutan (ha)

- Hutan Darat : 114,506.64
- Hutan Paya Laut : -

c. Keluasan (ha) Yang dikeluarkan untuk Pengusahaan

- Hutan Simpan : 400
- Tanah Kerajaan : -
- Tanah Milik : -

d. Pengeluaran (m³)

- Kayu Balak : 20,146.11
- Hasil Hutan Lain
 - i) Buluh : 22,400 batang
 - ii) Bahan Batu : 267,180.82 tan
 - iii) Rotan : 30,695 batang
 - iv) Tanah Merah : -

5. Industri Hutan

a. Bilangan

Kilang Papan	:	16 (Beroperasi : 15)
Kilang Papan Lapis/Venir	:	3 (Beroperasi : 3)
Kilang Kayu Kumai	:	1 (Beroperasi : 1)
Kilang Perabot	:	35 (Beroperasi : 34)
Kilang Buluh	:	6 (Beroperasi : 4)
Kilang Rotan	:	1 (Beroperasi : 1)
Kilang Kerja Kayu	:	6 (Beroperasi : 6)
Kilang Loji Pengawet	:	2 (Beroperasi : 2)
Kilang Tanur Pengering	:	2 (Beroperasi : 2)
Kilang Loji Kayu Briket	:	1 (Beroperasi : 1)

b. Penggunaan Kayu (m³)

Kilang Papan	:	61,886.90
Kilang Papan Lapis/Venir	:	140,363.59
Kilang Kayu Kumai	:	714.59


c. Pengeluaran (m³)

Kilang Gergaji	:	47,958.30
Kilang Papan lapis/Venir	:	87,395.67
Kilang kayu Kumai	:	714.59

d. Bilangan Pekerja

Bumiputera	:	515 orang
Bukan Bumiputera	:	803 orang
Bukan Warganegara Malaysia	:	1,084 orang
Jumlah	:	2,402 Orang

BIL.	HSK	NO. WARTA	TARIKH WARTA	KELUASAN (HA)
1	Bukit Tapah	1514	01.04.1933	60,921.93
2	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,103.51
3	Chikus	583	27.02.1914	2,390.09
4	Bukit Slim	2134	24.03.1933	37,440.87
5	Behrang	951	06.11.1903	8,047.06
6	Gunung Besout	3377	21.11.1913	2,603.18
JUMLAH BESAR				114,506.64



PETUNJUK UTAMA

Hutan Simpan Lenggong, Perak

PETUNJUK UTAMA



PROGRAM DAN AKTIVITI	MAKSUD PERUNTUKAN	PERUNTUKAN (RM)	MATLAMAT FIZIKAL	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
1.0 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA					
1.1 Mengurus					
1.2 Pembangunan Negeri (P07)		6,000,000.00		5,443,937.67	90.73%
1.3 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPB)		7,000,000.00		4,207,620.51	60.11%
1.4 Peruntukan Persekutuan (P23)		103,740.00		100,102.00	96.49%
2.0 PENGURUSAN SUMBER HUTAN					
2.1 Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)	P07	420,000.00	249km	217,350.00	51.75%
2.2 Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2020-2025		133,000.00	1 Laporan	133,000.00	100.00%
Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri 2016-2025		120,000.00	1 Kajian & Cetakan Buku	60,000.00	50.00%
2.3 Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)		520,000.00	5524.7 ha	510,332.16	98.14%
2.4 Pengurusan Kawasan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)		245,000.00	1 Projek & 1 Laporan	43,750.00	17.86%
2.5 Memperkasakan Pemantauan Darat Dalam Melaksanakan Kerja Penguatkuasaan Hutan		30,000.00	10 unit Walkie-talkie & 2 unit Camera Trap	29,935.00	99.78%
2.6 Memperkasakan Pemantauan Udara Dalam Melaksanakan Kerja Penguatkuasaan Hutan		50,000.00	6 Jam Penerbangan	41,340.00	82.68%
2.7 Risikan dan Siasatan Kes Kesalahan Hutan		40,000.00	15 kali sewaan	40,000.00	100.00%
2.8 Penubuhan, Penyelenggaraan dan Pemantauan Petak-Petak Kajian Ladang		50,000.00	1 Petak PCK	0.00	0.00%
2.9 Pengurusan Kawasan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)	KWPB	30,000.00	1 Projek	0.00	0.00%
2.10 Pemuliharaan Hutan Pemeliharaan Tinggi (High Conservation Value Forest-HCVF)		70,000.00	5 Projek	63,820.00	91.17%
2.11 Penandaan Pokok		50,000.00	1 Projek	0.00	0.00%
2.12 Pensijilan Pengurusan Hutan		20,000.00	Pensijilan	15,500.00	77.50%
2.13 Pengurusan Kawasan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)	P23	103,740.00	1 Projek	100,102.00	96.49%
JUMLAH		1,881,740.00	-	1,255,129.16	66.70%
3.0 PERHUTANAN MASYARAKAT					
3.1 Hutan Sosial & Pembangunan Hutan	P07	40,000.00	5 Program	36,961.50	92.40%
3.2 Program Penanaman 1 Juta Pokok		234,000.00	1 Juta Pokok	230,200.00	98.38%
3.3 Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara	P23	103,500.00	-	0.00	0.00%
JUMLAH		377,500.00	-	267,161.50	70.77%

PROGRAM DAN AKTIVITI	MAKSUD PERUNTUKAN	PERUNTUKAN (RM)	MATLAMAT FIZIKAL	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
4.0 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI					
4.1 Tanaman dan Rawatan Bakau	P07	720,000.00	300 ha	719,863.70	99.98%
4.2 Pengembangan dan Penyelenggaraan Arboretum Perhutanan		20,000.00	1 Arboretum	19,000.00	95.00%
4.3 Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)		586,000.00	4,000 ha	585,964.00	99.99%
4.4 Hutan Simpanan Hutan Dara (VJR)		100,000.00	3,146.72 ha	78,224.00	78.22%
4.5 Memotong Akar/Pejanjat (CL)	KWPH	0.00	0	0.00	0.00%
4.6 Tanaman dan Rawatan Mengaya		55,500.00	10.0 Ha	55,434.00	99.88%
4.7 Pemulihan Kawasan Terosot		100,000.00	10.0 Ha	94,042.00	94.04%
4.8 Pembangunan Tapak Semaian		169,500.00	6 Tapak Semaian	169,496.35	100.00%
4.9 Program Restorasi, Tebus Guna, dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot	P23	100,000.00	10.0 Ha	22,755.90	22.76%
JUMLAH		1,851,000.00	-	1,744,779.95	94.26%
5.0 EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR					
5.1 Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur	P07	1,450,000.00	8 Projek	1,413,705.16	97.50%
5.2 Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur	KWPH	525,000.00	15 Taman Eko Rimba	523,226.00	99.66%
5.3 Pembangunan Prasarana dan Pemrograman Rekreasi di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong		55,000.00	4 Projek	0.00	0.00%
5.4 Sistem Amaran Kepala Air		30,000.00	7 Taman Eko Rimba	22,240.00	74.13%
JUMLAH		2,450,000.00	2,460,000.00	-	2,378,952.70
6.0 SUMBER BUKAN KAYU					
6.1 Pembangunan Sumber Buluh/Rotan	P07	20,000.00	1 kawasan	19,780.00	98.90%
6.2 Pembangunan Sumber Herba Hutan		20,000.00	1 kawasan	19,611.00	98.06%
6.3 Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba Papan	KWPH	50,000.00	1 Taman Herba	49,645.00	99.29%
JUMLAH		90,000.00	-	89,036.00	98.93%
7.0 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN					
7.1 Penyelenggaraan/Naiktaraf Bangunan Pejabat/Kuarters	P07	1,017,800.00	PPN dan 5 PHD	1,017,800.00	100.00%
7.2 Pembinaan Baru Bangunan Pejabat/ Kuarters/Dewan		184,200.00	1 Projek	181,621.15	98.60%
7.3 Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Hutan		50,000.00	1 Projek	45,500.00	91.00%
JUMLAH		1,252,000.00	-	1,244,921.15	99.43%
8.0 PEMBANGUNAN LADANG HUTAN					
8.1 Rawatan dan Penyelenggaraan Ladang Hutan	KWPH	250,000.00	50.0 Ha	246,175.00	98.47%
JUMLAH		250,000.00	-	246,175.00	98.47%

PROGRAM DAN AKTIVITI	MAKSUD PERUNTUKAN	PERUNTUKAN (RM)	MATLAMAT FIZIKAL	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
9.0 PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN					
9.1 Risalah Perhutanan dan Lain-Lain Penerbitan	KWPH	300,000.00	3 Penerbitan	60,780.00	20.26%
9.2 Pameran, Seminar dan Program Perhutanan		880,000.00	10 Program Perhutanan & Pameran	333,180.70	37.86%
9.3 Ceramah dan Kempen Kesedaran Perhutanan		30,000.00	3 Program	0.00	0.00%
9.4 Pembelian Peralatan dan Kelengkapan Kerja Luar		145,000.00	PPN dan 5 PHD	144,988.00	99.99%
9.5 Pembelian Kenderaan		1,760,000.00	11 Kereta, 1 Loader, 4 Motorsikal, 1 Sampan	522,868.00	29.71%
JUMLAH		3,115,000.00		1,061,816.70	34.09%
10.0 PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN					
10.1 Pembelian Senjata Api	KWPH	100,000.00	10 Unit Pistol	12,685.00	12.69%
JUMLAH		100,000.00		12,685.00	12.69%
11.0 IT DAN K PERHUTANAN					
11.1 Pembangunan Sistem Perhutanan	KWPH	220,000.00	3 Item	67,897.50	30.86%
11.2 Peningkatan Sistem GIS		50,000.00	1 Item	29,710.00	59.42%
JUMLAH		270,000.00		97,607.50	36.15%
12.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA					
12.1 Elaun Perjalanan Kakitangan	KWPH	300,000.00	500 Orang	112,011.62	37.34%
12.2 Elaun dan Gaji Kakitangan Kontrak		1,500,000.00	50 Orang	1,400,805.99	93.39%
12.3 Kursus dan Latihan Kakitangan		170,000.00	14 Kursus	135,467.00	79.69%
12.4 Penyelenggaraan Kenderaan		170,000.00	Kenderaan Jabatan	147,648.35	86.85%
JUMLAH		2,140,000.00		1,795,932.96	83.92%





IMBASAN 2019

Hutan Simpan Belum

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

UNIT PENTADBIRAN

Bagi tahun 2019, sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan tiga (3) kali Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) telah diadakan dengan jayanya seperti yang telah disasarkan pada setiap tahun. Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan pada Julai dan Disember 2019 telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat bagi memastikan ia sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

Selain itu, Unit Sumber Manusia turut mengawal selia perjawatan di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan di daerah-daerah yang merangkumi 778 perjawatan dan pengisian sebanyak 714 perjawatan berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. N110 Tahun 2019 dan Bil. N114 Tahun 2019.

UNIT KEWANGAN

Pada tahun 2019, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM 6,000,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan (P07). Sebanyak RM 5,443,937.67 atau 90.73% telah dibelanjakan pada tahun berkenaan. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWH), sebanyak RM 7,000, 000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2019 dan perbelanjaan bagi KWH pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 4,207,620.51 atau 60.11%. Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak RM 335,268.00 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM 100,102.00 atau 30.94% daripada peruntukan yang diterima. Bagi perbelanjaan mengurus (B25) pula, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM 36,192,900.00 pada tahun 2019 dan telah membelanjakan sebanyak RM 36,187,477.55 atau 99.99% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan 5 (lima) daerah serta ibu pejabat.



UNIT HASIL

Pada tahun 2019, kutipan hasil bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah sebanyak RM 55,133,721.06 atau 106.03% daripada anggaran hasil yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM 52,000,000.00.

Projek Pembangunan Hasil Perhutanan dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan perkhidmatan sistem teknologi maklumat di jabatan ini dengan membuat pembelian 30 unit pencetak untuk kegunaan Pejabat Hutan Negeri & Pejabat Hutan Daerah. Disamping itu juga, penyelenggaraan perkakasan di bilik server seperti pembelian UPS Backup Bateri juga perlu dilaksanakan berikut UPS yang sedia ada tidak lagi mampu beroperasi dengan baik sekiranya gangguan bekalan elektrik berlaku.


Perkembangan teknologi juga mampu menjadi perisai utama dalam menjaga keselamatan pekerja dan juga harta benda kerajaan. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri merancang untuk memperkasakan sektor keselamatan dengan pembelian & pemasangan CCTV yang akan dipasang di Pejabat-Pejabat Hutan Daerah & Pejabat Renj Hutan di daerah.

Mesin pencetak yang ingin dibeli ini adalah bagi menggantikan mesin pencetak lama yang kurang memuaskan disamping ada yang telah rosak dan tidak dapat dibaiki lagi. Mesin pencetak ini akan diagihkan di setiap Pejabat Hutan Daerah khususnya di Pejabat-pejabat Renj yang kebanyakannya menggunakan mesin pencetak sendiri untuk lakukan kerja-kerja di pejabat. Hal ini berlaku kerana masalah kekurangan mesin pencetak yang elok dan tidak mampu menampung penggunaan yang tinggi.

Seterusnya adalah penyelenggaraan perkakasan dan peralatan di bilik server Unit Teknologi Maklumat. UPS backup bateri yang sedia ada tidak lagi mampu menampung tempoh hayat bateri berikutan usia UPS tersebut telah melebihi 7 tahun. Ia juga tidak berfungsi dengan baik sewaktu berlakunya gangguan bekalan elektrik.

Akhir sekali adalah pembelian & pemasangan CCTV di Pejabat-Pejabat Hutan Daerah & Pejabat Renj Hutan di setiap daerah. Pemasangan CCTV di setiap daerah dan Pejabat Renj adalah bagi membuat pemantauan keselamatan secara konsisten bagi setiap pergerakan keluar masuk ke pejabat disamping menjamin keselamatan pekerja dan harta benda kerajaan.

Faedah yang bakal diperolehi daripada projek ini adalah keupayaan menaiktaraf dan membekal 30 unit mesin pencetak (black & white) yang baharu bagi menggantikan mesin pencetak yang lama di Pejabat Hutan Negeri & Pejabat Hutan Daerah. Hasil pemantauan dan penyelenggaraan mendapati banyak mesin pencetak yang telah uzur dan tidak mampu menampung kerja-kerja sehari-hari di pejabat. Kebanyakkan mesin pencetak adalah penggunaan bersama maka keboleh upayaan mesin mencetak adalah perlu diperingkat maksimum untuk menjalankan kerja-kerja hakiki dengan lancar.



Selain itu juga, Bilik server di Unit IT juga memerlukan penggantian UPS *Backup battery* yang juga telah uzur dan berusia lebih 5 tahun. UPS sedia ada tidak lagi mampu bertahan lama sekiranya berlakunya terputus bekalan elektrik.

Perancangan akhir sekali adalah pembelian dan pemasangan 15 unit CCTV di Pejabat-Pejabat Hutan Daerah & Pejabat Renj Hutan. Rancangan pemasangan CCTV ini adalah sebagai langkah awal mengawal & memantauan keselamatan secara konsisten bagi setiap pergerakan keluar masuk ke pejabat disamping menjamin keselamatan pekerja dan harta benda kerajaan.

Projek Peningkatan Sistem GIS bertujuan memantapkan penggunaan sistem GIS agar seiring dengan langkah kerajaan menggunakan teknologi tinggi bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja sehari-hari.

Projek Peningkatan sistem GIS pada tahun 2019 menumpukan kepada pembaharuan lesen aplikasi Arcgis For Desktop Advanced, installation and training. Pembaharuan lesen aplikasi ini perlu bagi meneruskan prestasi pengurusan dan penggunaan sepenuhnya dalam mengintegrasikan data, melaksanakan analisis maju, model dan proses operasi automatik disamping memaparkan hasil peta yang berkualiti.

Faedah yang bakal diperolehi pembelian aplikasi Arcgis For Desktop Advanced, installation and training adalah peningkatan di dalam prestasi pengurusan dan penggunaan sepenuhnya dalam mengintegrasikan data, melaksanakan analisis maju, model dan proses operasi automatik disamping memaparkan hasil peta yang berkualiti. Pengguna juga berupaya membuat dan berkongsi Peta GIS menggunakan ArcGIS web, menganalisa dan mengenalpasti ciri-ciri peta GIS mengikut kriteria yang ditetapkan

PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematis bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management, SFM*) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah diurus melalui dua (2) giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu, kebanyakannya kawasan HSK telah diurus melalui Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System, SMS*) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. SMS melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum iaitu melibatkan tebangan pokok dari kumpulan Dipteroarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas.

Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayu secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimalkan penghasilan hutan. Had Batas Tebangan (HBT) akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F). Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1 :
Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)

TAHUN	OPERASI
n-2 hingga n-1	Inventori Hutan Sebelum Tebangan berintensiti 10.0% menggunakan <i>Systematic Line Plots</i> untuk menentukan HBT.
n-1 hingga n	Penandaan pokok dan menentukan arah tebangan bagi pokok untuk diusahasikan. Penandaan pokok juga dilaksanakan bagi pokok-pokok untuk dirian tinggal, Pokok Perlindungan dan Pokok Ibu
n	Penebangan pokok sebagaimana yang ditentukan / disyaratkan.
n+1/4 hingga n+1/2	Bancian untuk menentukan denda ke atas pokok yang tidak di tebang dan kerosakan ke atas dirian tinggal serta royalti ke atas balak pendek dan balak kecil yang tidak dikeluarkan.
n+2 hingga n+5	Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) berintensiti 10.0% menggunakan <i>Systematic Line Plots</i> untuk menentukan stok dirian tinggal dan rawatan yang sesuai.
n+7	T1 (Rawatan lanjutan) dijalankan.
n+10	Inventori hutan dijalankan untuk menentukan status pemulihan.

PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i) Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan HSK menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baharu, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK, pembelian dan pemasangan papan tanda HSK.

Pada tahun 2019, sejumlah **RM 420,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07). Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak **RM 217,350.00** telah dibelanjakan untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan menanda Sempadan Luar HSK sejauh **249km** yang melibatkan **7 kawasan** HSK.

ii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) bertanggungjawab untuk merealisasikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh dan tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok serta anak benih amat diperlukan supaya aktiviti pengurusan yang

berkekalan dan pengusahasilan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Selain itu, melalui maklumat tersebut juga dapat membantu untuk penetapan HBT yang optimum yang tepat.

Pada tahun 2019, sejumlah **RM 520,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07). Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas **5,872.33 hektar** telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F merangkumi **18 kompadmen** HSK di Negeri Perak yang melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM 510,332.16**.

iii) Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved - VJR*)

HSK di Negeri Perak telah diklasifikasikan mengikut fungsi hutan sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara, 1984. Salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved - VJR*). Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis – jenis hutan yang terdapat di negeri Perak. Penubuhan VJR berfungsi untuk mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan adanya penubuhan VJR ini, ia merupakan salah satu usaha untuk memelihara habitat flora, fauna dan mikroorganisma yang sedia ada selain dapat menjamin kelangsungan sumber genetiknya. VJR juga berperanan sebagai kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Pada tahun 2019, sebanyak **RM 100,000.00** telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi menjalankan kerja-kerja bancian dan mencuci sempadan kawasan VJR dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM 78,224.00**.



SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Program Pembangunan Hutan Asli, melibatkan lima (5) projek utama yang dijalankan iaitu :

i. Inventori hutan selepas tebangan (Post-F)

Aktiviti ini merupakan aktiviti utama dalam amalan silvikultur. Inventori yang dijalankan dalam kawasan HSK dalam tempoh 2 – 5 tahun selepas aktiviti pengusahahsilan selesai adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta mengumpul maklumat mengenai kewujudan akar/pepanjat dan bertam. Hasil analisa data keputusan inventori Post-F tersebut akan dapat menentukan keadaan semasa bagi hutan tersebut sekaligus menentukan jenis rawatan yang perlu diambil bagi memulihkan hutan tersebut kepada asal.

ii. Tanaman Mengaya

Aktiviti tanaman mengaya ialah suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan miskin di dalam HSK bagi membantu meningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi. Pelaksanaan rawatan ini adalah ditentukan melalui analisa data daripada keputusan inventori Post-F.

iii. Pemotongan Akar/Peppanjat (CL)

Aktiviti ini juga merupakan suatu jenis rawatan yang dilaksanakan ke atas kawasan HSK yang telah diusahasil yang ditentukan melalui hasil analisa data daripada keputusan inventori Post-F. Ia melibatkan aktiviti memotong sebarang akar/pepanjat yang didapat akan memberi halangan kepada tumbesaran pokok. Membebaskan dirian tinggal daripada gangguan seterusnya membolehkan ia membesar dengan cepat dan baik.

iv. Pemulihan Kawasan Terosot

Kawasan terosot adalah merujuk kepada suatu kawasan yang kosong atau kurang dirian pokok dalam HSK yang mana terjadi akibat daripada kejadian bencana alam seperti hakisan tanah atau kebakaran hutan. Ia juga boleh terjadi disebabkan oleh penerokaan haram secara berterusan. Oleh itu, seksyen ini mengambil inisiatif dengan menjalankan projek pemulihan kawasan ini melalui aktiviti penanaman pokok-pokok daripada spesies berpasaran dan bermutu tinggi.

v. Tanaman dan Rawatan Bakau

Aktiviti ini adalah meliputi penanaman semula anak pokok bakau di kawasan Hutan Paya Laut yang telah diusahasil. Secara umumnya aktiviti ini dijalankan di Daerah Hutan Larut & Matang dan bertujuan untuk memulihkan serta mengayakan semula kawasan tersebut.

Berikut merupakan pencapaian tahun 2019 bagi projek di bawah Program Pembangunan Hutan Asli :


Jadual 2 :

Program Pembangunan Hutan Asli bagi tahun 2019

PROJEK	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)	PENCAPAIAN FIZIKAL (HEKTAR)
Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)	586,000.00	4325.0
Tanaman Mengaya	55,500.00	45.0
Pemotongan Akar / Peppanjat (CL)	-	-
Pemulihan Kawasan Terosot	100,000.00	20.0
Tanaman dan Rawatan Bakau	720,000.00	319.10

PROGRAM PERHUTANAN MASYARAKAT

Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan



Dalam merealisasikan segala perancangan dan pengurusan hutan di negeri Perak, pihak jabatan sentiasa bekerjasama dengan lain-lain agensi bagi memastikan kepentingan pemeliharaan hutan diterapkan kepada semua pihak. Pihak jabatan melalui seksyen ini telah melancarkan Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan bagi melaksanakan

aktiviti penanaman pokok. Projek ini telah diwujudkan semenjak tahun 2012 dengan nama asalnya Hutan Bandar dan telah diberi nafas baru dalam Rancangan Malaysia ke-11 kepada Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan.

Pada tahun 2019, RM40,000.00 telah diperuntukkan kepada lima(5) Pejabat Hutan Daerah bagi melaksanakan aktiviti perhutanan sosial di peringkat daerah. Program ini diadakan dengan penglibatan daripada masyarakat setempat, pelajar sekolah dan universiti serta turut disertai oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Berikut adalah senarai program yang dijalankan sepanjang tahun 2019 di bawah peruntukan ini :

Jadual 3 :

Program Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan bagi tahun 2019

PEJABAT HUTAN DAERAH	AGENSI / PESERTA TERLIBAT	LOKASI PROGRAM
Kinta/Manjung	• JKK Ulu Chepor	• Lata Ulu Chepor
Kuala Kangsar	• Pelajar MCKK • Pelajar Quest Universiti • USAS	• TER Ulu Kenas, Persisiran Sungai Sayong
Larut Dan Matang	• Persatuan Pengakap Negeri Perak	• Pusat Eko Hutan Paya Laut Matang
Hulu Perak	• MRSM Gerik • SK Batu Gajah	• MRSM Gerik • SK Batu Gajah
Perak Selatan	• Garden International • Kelab Kembara Kita UniKL, Ipoh	• TER Kuala Woh dan Lata Kinjang

Penanaman 1 Juta Pokok

Program Penanaman 1 Juta Pokok adalah merupakan program yang diwujudkan sempena program perintis penanaman 24 Juta Pokok yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2010 – 2014. Susulan daripada kejayaan program tersebut, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melancarkan "Kempen Tanaman 5 Juta Pokok" dalam tempoh lima(5) tahun di seluruh Negeri Perak seiring dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Perak (RMK-11) di bawah Program ke-10 : Alam Sekitar dan Perhutanan untuk menanam 5 juta pokok dalam tempoh 5 tahun.

Program ini dilaksanakan menerusi pelbagai medium dan salah satunya adalah melalui pendekatan Corporate Social Responsibility (CSR) iaitu penganjuran Program Sosial Perhutanan yang melibatkan aktiviti penghijauan bersama masyarakat dan penduduk setempat, pelajar sekolah dan universiti serta agensi kerajaan dan swasta. Ini bukan sahaja membantu

hasrat untuk mewujudkan suasana persekitaran semula jadi yang hijau, segar malah meningkatkan kesedaran bahawa menghijau dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk rasa cinta kepada hutan dan alam sekitar di kalangan rakyat Negeri Perak.

Sehingga Disember 2019, sejumlah 2,003,945 pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri Perak menjadikan jumlah keseluruhan tanaman bagi tempoh 2016 – 2019 sebanyak 9,058,400 pokok. Jumlah tersebut telah melebihi sasaran penanaman 5 juta pokok bagi tempoh lima(5) tahun seperlima yang ditetapkan. Ini memberi gambaran jelas akan komitmen pihak jabatan bagi memulihara dan memelihara kehijauan bumi Perak.

Butiran jumlah pokok yang ditanam sepanjang tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut :-

Jadual 4 :

Jumlah Tanaman pokok dari tahun 2016 – 2019

TAHUN	2016	2017	2018	2019	JUMLAH KESELURUHAN
Bilangan Pokok	2,027,704	2,005,503	3,021,248	2,003,945	9,058,400
Luas (Ha)	2,285.40	3,072.03	6,782.85	3,317.66	15,457.94





PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN

Tapak semaian merupakan antara nadi utama bagi perjalanan sesebuah organisasi yang berperanan memelihara alam sekitar dan biodiversiti hutan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menubuh dan menyelenggara 7 buah tapak semaian bagi menampung keperluan anak pokok untuk tanaman di kawasan selepas usahasil. Antara aktiviti yang dilaksanakan di tapak semaian adalah aktiviti pengutipan biji benih dan anak liar, menabung anak pokok dan menyemai biji benih serta kerja-kerja penyelenggaraan harian anak pokok. Berikut merupakan senarai tapak semaian aktif yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak :

Jadual 5 :

Senarai Tapak Semaian di Jabatan Perhutanan Negeri Perak

TAPAK SEMAIAN	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN (HA)	KAPASITI
Tapak Semaian Air Ganda, Gerik	1981	2.3	100,000
Tapak Semaian Ulu Piol, Manong	1952	7.0	60,000
Tapak Semaian Bukit Larut, Taiping	1993	1.0	35,000
Tapak Semaian Kuala Sepetang, Taiping	2010	0.02	8,000
Tapak Semaian Pusing, Batu Gajah	1993	0.2	50,000
Tapak Semaian Kampung Chang, Bidor	1980	0.77	30,000
Tapak Semaian Diswastakan	1992	2.0	Telah

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara merupakan program sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-11:2011-2015) yang mana bertujuan untuk memantapkan usaha pemeliharaan pesisiran pantai bagi menjaga kesejahteraan rakyat tepi pantai serta mengekal dan meningkatkan kestabilan kawasan pesisir pantai daripada pukulan ombak kuat dan angin kencang serta ancaman kejadian tsunami.

Secara khususnya, pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif utama iaitu :-

- i. Memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;
- ii. Mewujudkan zon penampang bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;
- iii. Memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaiannya biologi serta memperkayakan sumber hasil pantai; dan
- iv. Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong;



PENGUATKUASAAN SIASATAN DAN PERUNDANGAN



Pada tahun 2019, sebanyak 39 kertas siasatan bagi kes kesalahan hutan telah selesai dijalankan siasatan dan dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk semakan dan penelitian. Daripada 39 kertas siasatan tersebut, sebanyak lapan (8) kertas siasatan telah dibawa ke Mahkamah bagi tujuan pendakwaan dan berikut merupakan maklumat ringkas kes-kes tersebut :

Jadual : Kes-kes kesalahan hutan yang di dakwa di mahkamah

BIL	LOKASI	KESALAHAN	SEKSYEN	STATUS
1	Susur keluar Lebuh Raya Ipoh-Lumut menghala ke Silibin	Memiliki hasil hutan tanpa	Sub Seksyen 68 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Jenayah (1), Ipoh dan 1984 kebenaran (Pemakaian) 1985 dikenakan hukuman denda sebanyak RM6,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda
2	Kilang Merbau Timber & Hardware Sdn. Bhd.	Pelanggaran Syarat Lesen Kilang	Kaedah 14 Kaedah-kaedah Industri Berasas Kayu 1990	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Jenayah (1), Ipoh dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda
3	Kampung Temong Hulu, Mukim Chegar Galah	Menjalankan operasi operasi kilang tanpa lesen	Subseksyen 3 (2) Enakmen Enakmen Industri Berasas Kayu 1987	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Jenayah, Ipoh dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM15,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda
4	Laluan Changkat Larah ke Bukit Merah	Memiliki dan memindah hasil hutan tanpa kebenaran	Subseksyen 68 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Taiping dan dikenakan hukuman denda sebanyak sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan 2 bulan jika gagal membayar denda
5	Hutan Simpan Bubu, Daerah Kinta/Manjung (Kompartmen 54)	Memasuki hutan simpan tanpa kebenaran dan membiarkan apa-apa api menyala di dalam hutan simpan	Subseksyen 47 (1) dan 82 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Jenayah, Ipoh dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda
6	Kampung Menderang, Sungkai	Membawa muatan muatan hasil hutan tanpa pas pemindah	Subseksyen 68 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Jenayah (1) dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda
7	Hutan Simpan Behrang, Daerah Perak Selatan (Kompartmen 21)	Menceroboh kawasan hutan simpan kekal dan mengorek tanah dalam kawasan hutan tanpa suatu permit penggunaan	Subseksyen 32 (1) dan perenggan 81(1)(g) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	OKT mengaku bersalah di bawah dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Teluk Intan dan dikenakan hukuman bagi - (i) subseksyen 32 (1) - denda sebanyak RM10,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda (ii) perenggan 81(1)(g) - denda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan 3 bulan jika gagal membayar denda
8	Hutan Simpan Piah, Daerah Kuala Kangsar	Menduduki dan menceroboh hutan simpan kekal	Subseksyen 32 (1) dan perenggan 81(1)(g) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	OKT mengaku bersalah di bawah dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan dikenakan hukuman bagi - (i) subseksyen 32(1) - denda sebanyak RM15,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda (ii) perenggan 81(1)(g) - denda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan 6 bulan jika gagal membayar denda

PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN DARAT

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia ke11 (RMK-11) telah diselaras semula pada 21 Disember 2019 sebagaimana **Jadual 1**. Keluasan hutan darat mengikut jenis tanah yang telah dilesenkan pada tahun 2019 adalah sebagaimana ditunjukkan di **Jadual 2**:

Jadual 1 : Pelarasan Semula Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak

TAHUN	CTT DILULUSKAN (HA)	CTT DISELARASKAN (HA)
2016	7,744	5,806
2017	7,744	6,628
2018	7,744	9,037
2019	7,744	9,292
2020	7,744	7,957
Jumlah	38,720	38,720

Jadual 2 : Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2019

HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)		TANAH KERAJAAN (HA)	TANAH BERMILIK (HA)	JUMLAH KAWASAN DILESENKENKAN UNTUK PENGUSAHASILAN (HA)
Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Pembangunan (ha)				
Diluluskan (ha)	Diusahasikan (ha)	Ladang Hutan	Lain-lain	
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(b+c+d)
9,292	8,058	0	0	8,058
				395.420
				384.6059
				8,838.0259

PENGUSAHASILAN HUTAN PAYA LAUT

Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang adalah berpandukan kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) 2010 - 2019. Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang terdiri daripada 2 kategori iaitu Kup Arang Kayu (KAK) dan Kup Kayu Jaras

Jadual 10 :

Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi Kup Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2019

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	33	252.46
KEDUA	48	347.6
KETIGA	5	250.8
KEEMPAT	19	142.7
JUMLAH	105	993.56

(KKJ). Di bawah RKHLPM 2010 -2019 seluas 1,075.8 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang diperuntukan untuk 144 pengusaha KAK. Manakala seluas 1,560.0 hektar setahun kawasan hutan Paya Laut Matang bagi 70 pengusaha KKJ. Maklumat lesen pengusahasilan KAK Tahun 2019 sebagaimana di **Jadual 3** dan maklumat pengusahasilan KKJ Tahun 2019 di **Jadual 4**;

Jadual 11 :

Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut bagi Kup Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun 2019

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	19	396
KEDUA	20	402
KETIGA	20	368
KEEMPAT	22	376
JUMLAH	81	1,542

INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)



BILANGAN KILANG DALAM INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 733 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2019. Dari pada jumlah tersebut sebanyak 561 buah kilang beroperasi manakala sebanyak 172 buah kilang tidak beroperasi. Pecahan bilangan kilang IBK negeri Perak mengikut daerah hutan sehingga tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5 : Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Sehingga Tahun 2019

BILANGAN KILANG (BERDAFTAR) MENGIKUT DAERAH HUTAN

JENIS LESEN	KINTA MANJUNG			LARUT MATANG			PERAK SELATAN			KUALA KANGSAR			HULU PERAK			JUMLAH KESELURUHAN		
	Lesen Operasi	Tidak Operasi	Lesen Operasi															
Kilang Papan	44	36	8	12	11	1	15	14	1	16	16	0	11	10	1	98	87	11
Kilang Papan Lapis/ Venir	5	4	1	0	0	0	5	5	0	3	3	0	3	3	0	16	15	1
Tanur Pengering	16	15	1	6	2	4	2	2	0	5	5	0	1	1	0	30	25	5
Loji Pengawet	23	21	2	6	2	4	2	2	0	3	3	0	1	1	0	35	29	6
Perabot / Kerja Kayu	207	144	63	72	25	47	45	41	4	38	32	6	10	5	5	372	247	125
Kayu Kumai	2	2	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	1	4	3	1
Cebis Kayu	4	4	0	1	1	0	0	0	0	3	3	0	2	2	0	10	10	0
Tepung Kayu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3	0	0	0	0	3	3	0
Tanur Arang	0	0	0	144	132	12	0	0	0	0	0	0	1	1	0	145	133	12
Kilang Buluh	2	0	2	0	0	0	11	4	7	0	0	0	1	1	0	14	5	9
Kilang Rotan	0	0	0	2	1	1	2	1	1	2	2	0	0	0	0	6	4	2
JUMLAH	303	226	77	243	174	69	83	70	13	73	67	6	31	24	7	733	561	172

PENGELUARAN KAYU BALAK MENGIKUT JENIS KAYU


Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2019 adalah berjumlah 417,932.83 meterpadu yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2** dan **Carta 1**.

Jadual 2 : Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2019

BIL. KUMPULAN JENIS KAYU	PENGELUARAN (M3)	PERATUS (%)*
1. Kayu Keras Berat (KKB)	34,820.82	8.3
2. Kayu Keras Sederhana (KKS)	118,783.85	28.4
3. Kayu Keras Ringan (KKR)	264,328.16	63.3
4. Lain-Lain Jenis (LLJ)	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	417,932.83	100

*Peratus berbanding jumlah pengeluaran

Carta 1 : Peratus Pengeluaran Mengikut Jenis Kayu Balak Tahun 2019



Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 386,569.60 meterpadu , dengan pengeluaran 267,279.22 meterpadu (**69%**), Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 147,662.59 meterpadu dengan pengeluaran 71,435.07meterpadu (**48%**), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 11,161.90 meterpadu dengan pengeluaran 10,657.25 meterpadu (**95%**). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam **Jadual 6**.

Jadual 6 : Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2019

BIL.	JENIS KILANG	PENGUNAAN (M3)	PENGELUARAN (M3)	PERATUS (%)*
1.	Kilang Papan	386,569.60	267,279.22	69
2.	Kilang Papan Lapis / Venir	147,662.59	71,435.07	48
3.	Kilang Kayu Kumai	11,161.90	10,657.25	95
JUMLAH		545,394.09	349,371.78	64

*Pengeluaran Berbanding Penggunaan



Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan

Bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan di negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2019 adalah berjumlah 4469 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam **Jadual 7**.

Jadual 7 : Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2019

PENGUSAHASILAN HARVESTING				KILANG PAPAN SAWMILLS				KILANG PAPAN LAPIS/VENIR PLYWOOD/VENEER MILLS				KILANG KAYU KUMAI MOULDING MILLS				JUMLAH BESAR GRAND TOTAL			
Malaysian				Malaysian				Malaysian				Malaysian				Malaysian			
B	BB	BW	Total	B	BB	BW	Total	B	BB	BW	Total	B	BB	BW	Total	B	BB	BW	Total
1,556	701	0	2,257	564	738	560	1862	54	153	237	444	99	117	187	403	2,273	1,709	984	4,966

Petunjuk :

B – Bumiputera

BB - Bukan Bumiputera

BW- Bukan Warga Malaysia

HUTAN LIPUR DAN EKO-PELANCONGAN

HUTAN LIPUR

Hutan lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang berfungsi sebagai kawasan yang sesuai bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, beriadah, bersukan, memelihara flora dan fauna, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain. Peranan hutan lipur dalam menyediakan lokasi yang bersesuaian untuk aktiviti riadah dan istirehat dilihat semakin penting di Negara ini ekoran kesedaran masyarakat terhadap kepentingan serta faedah alam semulajadi. Konsep hutan lipur masih mengekal dan menekankan kepada pendekatan holistic "Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayan Semata-mata (*Forest beyond Timbers*)".

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan hutan lipur di Negeri Perak. Sejak tahun 1979, sejumlah 14 kawasan yang berpotensi dan mempunyai tarikan dari segi eko pelancongan telah dibangunkan dan dijadikan sebagai hutan lipur di Negeri Perak. Tarikan ini secara tidak langsung telah menjadi suatu aktiviti pengembangan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan negeri di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dari pelbagai sektor khususnya sektor makanan dan minuman, perhotelan, kraftangan, budaya setempat dan pelbagai sektor lain yang menjadi sumber tarikan di kawasan sekitar.

Jadual 1 : Senarai Taman Eko Rimba, Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Lantaran keperluan meneroka hasil baru selain kayu kyan, JPNPK telah mengambil pendekatan dan inisiatif dengan memperkasakan pengurusan hutan lipur dan telah diberi penjenamaan semula dan dikenali sebagai Taman Eko-Rimba (TER). Senarai TER yang telah dibangunkan oleh JPNPK adalah seperti pada Jadual 1:

BIL. DAERAH	NAMA (TER)	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN PEMBANGUNAN (HA)	LOKASI (HUTAN SIMPAN)
1. Hulu Perak	Lata Kekabu	1990	6.19	Bintang Hijau
2. Hulu Perak	Pulau Tali Kail	1997	0.67	Banding
3. Kuala Kangsar	Ulu Kenas	1990	22.67	Bubu
4. Perak Selatan	Lata Iskandar	1979	0.96	Bukit Tapah
5. Perak Selatan	Kuala Woh	1983	6.17	Bukit Tapah
6. Perak Selatan	Lata Kinjang	1989	2.32	Bukit Tapah
7. Larut & Matang	Kaki Bukit Larut	1979	0.96	Bukit Larut
8. Larut & Matang	Pusat Eko-Pelajaran Paya Laut Matang	2004	13.95	Jebong
9. Kinta / Manjung	Ulu Kinta	1987	9.22	Bukit Kinta
10. Kinta / Manjung	Papan	1992	9.57	Kledang Saiong
11. Kinta / Manjung	Kledang Saiong	2010	26.68	Kledang Saiong
12. Kinta / Manjung	Pasir Panjang	1996	5.57	Segari Melintang
13. Kinta / Manjung	Sungai Salu	1998	1.00	Bujang Melaka
14. Kinta / Manjung	Ulu Licin	2006	14.15	Bubu



PENUBUHAN HUTAN LIPUR

Pada tahun 2019, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima sebanyak RM1,450,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi Program Eko Pelancongan di bawah Projek Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur. Projek ini bertujuan untuk menaiktaraf serta membangunkan infrastruktur dan kemudahan di TER di samping menyelenggara infrastruktur dan kemudahan sedia ada bagi menjamin keselesaan pengunjung. Peruntukan tersebut dibelanjakan bagi tujuan perkhidmatan pembersihan di TER, penyelenggaraan dan pembangunan kemudahan TER, kerja-kerja pengurusan pokok bahaya di TER dan juga perkhidmatan rawatan anai-anai dan makhluk perosak di TER.

Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPB) pula, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima peruntukan sebanyak RM 1,790,000.00 bagi lima (5) Projek iaitu:

- i. Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur;
- ii. Pembangunan Prasarana dan Pemprograman Rekreasi di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong
- iii. Sistem Amaran Kepala Air
- iv. Risalah Perhutanan dan Lain-Lain Penerbitan
- v. Pameran, Seminar dan Program Perhutanan

Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi menjalankan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan TER, cetakan tiket masuk TER,

cetakan brosur, penerbitan buku, cetakan bunting dan banner, cetakan bahan pameran dan program perhutanan.

MENAIKTARAF DAN PENYELENGGARAAN HUTAN LIPUR

Pada tahun 2019, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima peruntukan sejumlah RM 500,000.00 bagi Projek Menaiktaraf dan penyelenggaraan Hutan Lipur. Matlamat projek ini ialah untuk membangun dan melengkapkan serta meningkatkan taraf kemudahan sedia ada bagi menjamin keselesaan pengunjung. Projek pembangunan serta menaiktaraf TER ini secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pengunjung ke TER ekoran permintaan masa kini yang lebih menumpukan kepada aktiviti berkonsepkan eko pelancongan. Dengan adanya kemudahan yang selesa ini, secara tidak langsung dapat menarik pelancong tempatan dan luar negeri berkunjung dan seterusnya menjana pendapatan kepada kerajaan negeri.

Selain daripada eko pelancongan, TER juga akan mampu menarik lebih ramai penyelidik menjalankan penyelidikan dan kajian di sini. Sehubungan itu, kemudahan asas perlu disediakan bagi menarik pelancong dari kalangan ahli akademik serta badan-badan bukan kerajaan untuk berkunjung ke kawasan ini.

PENUBUHAN PRASARANA DAN PEMPROGRAMAN REKREASI TAMAN RIMBA KLEDANG SAIONG

TER Kledang Saiong yang ditubuhkan sejak tahun 2010 merupakan sebuah kawasan eko pelancongan yang mengetengahkan aktiviti rekreasi berimpak rendah dan konsep interpretasi alam semulajadi yang berpotensi untuk memenuhi keperluan, kehendak dan keinginan pengunjung sama ada dari dalam atau luar negara.

Oleh itu, pelbagai aktiviti promosi dan program rekreasi wajar dijalankan bagi menarik lebih ramai pengunjung ke TER ini. Bagi menjayakan projek ini, sejumlah RM 460,000.00 telah diperuntukkan bagi projek ini.

Perancangan tahun 2019 adalah terarah kepada kerja-kerja menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan sedia ada yang terdapat di TER serta mencantikkan landskap bagi menarik lebih ramai pengunjung ke TER ini.



SISTEM AMARAN KEPALA AIR

Pada tahun 2019, sejumlah RM 30,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Sistem Amaran Kepala Air. Pewujudan Sistem Amaran Kepala Air adalah bertujuan untuk memberi amaran awal kepada pengunjung kemungkinan kejadian fenomena kepala air di kawasan tersebut seterusnya memberi ruang dan kesempatan kepada pengunjung untuk mengambil langkah keselamatan dengan beredar dari kawasan berisiko menuju ke kawasan yang lebih selamat.

Terdapat lapan (8) kawasan TER di negeri Perak yang telah siap dipasang sistem amaran kepala air sejak tahun 2013 yang boleh berfungsi secara manual dan automatik. Kesemua sistem amaran kepala air ini perlu diselenggara secara berkala iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.

Projek amaran sistem kepala air ini amat penting kerana merupakan satu alternatif yang mampu memberikan amaran dan makluman awal kepada petugas TER dan pengunjung terhadap ancaman kejadian kepala air di samping dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kematian di TER. Senarai TER yang mempunyai sistem amaran kepala air adalah seperti pada **Jadual 2 :**

Jadual 2 : Senarai TER yang mempunyai sistem amaran kepala air

BIL.	DAERAH	LOKASI (TER)	TAHUN DIBINA	JENIS
1.	Perak Selatan	Lata Kinjang	2013	Automatik
2.	Perak Selatan	Kuala Woh	2013	Manual
3.	Perak Selatan	Lata Iskandar	2014	Manual
4.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	2013	Automatik
5.	Kinta / Manjung	Ulu Kinta	2014	Manual
6.	Kinta / Manjung	Papan	2014	Manual
7.	Kinta / Manjung	Kledang Siaong	2019	Manual
8.	Hulu Perak	Lata Kekabu	2015	Automatik

KEJURUTERAAN HUTAN

PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN BAGI TAHUN 2019

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini bagi tahun 2019 adalah seperti berikut :

Penyelenggaraan / Naiktaraf Bangunan Pejabat & Kuarters

Pada tahun 2019, peruntukan telah diberi sejumlah RM 1,020,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf bangunan pejabat dan kuarters bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Hutan Daerah serta Pejabat Renjer yang terlibat diseluruh Negeri Perak. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membayai kerja-kerja naiktaraf tersebut adalah RM 1,017,783.05 (99.78%).

Bangunan pejabat dan kuarters jabatan di setiap daerah adalah merupakan aset jabatan yang perlu dijaga dan dinaiktaraf bagi memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan baik serta sempurna. Selain daripada itu, keadaan bangunan pejabat dan kuarters yang bersih, selamat dan selesa untuk diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan. Kerja-kerja yang dijalankan adalah meliputi penyelenggaraan am dan pendawaian semula. Ini adalah untuk memastikan tahap keselesaan dan keselamatan penghuninya sentiasa terjamin.

Pembinaan Baharu Bangunan

Di dalam perancangan pembangunan bagi tahun 2019, sejumlah RM 200,000.00 telah diperuntukkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi kerja-kerja

pembinaan bangunan baharu. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 184,160.00 (92.08%) telah dibelanjakan bagi Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Rumah Bot Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Hulu Perak.

Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan Hutan

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Sebanyak RM 50,000.00 telah diperuntukan bagi tahun 2019 dan dari jumlah ini sebanyak RM 45,500.00 (91.00%) telah dibelanjakan.

Penyelenggaraan ini adalah penting bagi memastikan jalan hutan dibina mengikut Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 Pindaan 2013. Di samping dapat mengurangkan hakisan tanah dan dapat melindungi alam sekitar.

Pembelian Dan Penyelenggaraan Kenderaan

Pada tahun 2019, seksyen kejuruteraan telah membelanjakan sebanyak RM395,277.95 daripada RM 414,000 iaitu sebanyak 95.5% peruntukan yang diluluskan bagi kerja - kerja penyelenggaraan kenderaan jabatan dalam memastikan kesemua kenderaan jabatan berada dalam tahap penyampaian kerja yang optimum serta selamat. Disamping itu juga, seksyen kejuruteraan telah melaksanakan pembelian kenderaan baharu iaitu 2 unit Toyota Hilux 2.4 G, 1 unit Nissan CV48 Low Loader, 1 unit sampan Shrimp Topper dan pembekalan 34 set rantai tayar bagi kegunaan kenderaan jabatan di lapangan yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM 522,868.00.



LADANG HUTAN DAN INOVASI

Zon Pembangunan Ladang Hutan Negeri Perak

Projek Pembangunan Ladang Hutan adalah satu projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) untuk tujuan komersial dalam usaha untuk mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah dan untuk memastikan bekalan kayu yang berterusan bagi industri kayu tempatan. Projek ini diusahakan oleh syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Perak bagi tempoh masa yang telah ditetapkan.

Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah meluluskan sebanyak 10 spesies yang sesuai ditanam dalam ZPLH di HSK di Negeri Perak Darul Ridzuan; iaitu Batai (*Paraserianthes falcataria*), Getah Klon Balak (*Hevea spp.*), Khaya (*Khaya ivorensis*), Jati (*Tectona grandis*), Kelempayan (*Neolamarckia cadamba*), Binuang (*Octomeles sumatrana*), Sentang (*Azadirachta excelsa*), Eucalyptus (*Eucalyptus spp.*), Karas (*Aquilaaria spp.*) dan Jelutong (*Dyera costulata*).

Justeru itu, seksyen ini bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan menguruskan permohonan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan ladang hutan kepada Kerajaan Negeri. Beberapa keperluan penting yang perlu disediakan sendiri oleh syarikat seperti mendapatkan kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar daripada Jabatan Alam Sekitar dan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH) yang selari dan mematuhi Akta Perhutanan Negara 1984. Setelah itu, segala aktiviti pembangunan di lapangan akan dipantau secara berkala bagi memastikan projek ini mengikut RPLH yang telah diluluskan.

Petak Percubaan Ladang Hutan

Jabatan melalui Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi telah menubuhkan petak tanaman ladang hutan dari spesies hutan yang terpilih di beberapa kawasan hutan miskin. Matlamat asalnya adalah untuk mewujudkan petak percubaan (demonstrasi) bagi spesies-spesies hutan untuk rujukan dan sebagai petak contoh. Antara spesies pokok yang telah diwujudkan adalah seperti tanaman Pinus, Khaya, Yamane, Getah, Karas, Jati, Sentang, Meranti Temak Nipis, Meranti Tembaga dan Meranti Sarang Punai serta petak hutan tani (*agroforestry*). Setelah petak-petak percubaan ini ditubuhkan aktiviti pemantauan, penyelenggaraan dan pengeluaran hasil melalui Lesen Kecil dilaksanakan. Namun, bagi aktiviti pengeluaran hasil seperti getah susu, tanggungjawab tersebut diserahkan kepada Pejabat Hutan Daerah untuk pelaksanaan, pemantauan dan pengutipan hasil. Manakala aktiviti penyelenggaraan petak tanaman dilaksanakan secara jabatan dan sesetengah daripadanya dilaksanakan secara kontrak.



Bagi mendapatkan data tumbesaran spesies pokok yang telah ditubuhkan ini, sebanyak 100 pokok akan ditanda sebagai Petak Contoh Kekal (PCK) dimana bancian akan dilaksanakan setiap tahun dan data tersebut akan dikumpul dan dilaporkan ke JPSM melalui sistem e-PCK. Antara petak tanaman yang telah ditubuhkan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Petak tanaman secara jabatan

NO.	SPESIES	TAHUN	HUTAN SIMPAN
1.	<i>Pinus caribea</i>	1969	HS Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan
2.	<i>Tectona grandis</i>	1980	HS Bintang Hijau, Daerah Hutan Hulu Perak
3.	<i>Aquilaaria malaccensis</i>	2009	HS Bubu, Daerah Hutan Kinta/ Manjung
4.	<i>Hevea brasiliensis</i>	2009	HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan
5.	Yamane		HS Bintang Hijau, Daerah Hutan Kuala Kangsar
6.	<i>Azadirachta excelsa</i>	1997	HS Bukit Naga, Daerah Hutan Larut dan Matang
7.	<i>Shorea leprosula</i>	1997	HS Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan
8.	<i>Shorea roxburghii</i>	2012	HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan
9.	<i>Neobalanocarpus heimii</i>	1994	HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan
10.	<i>Dryobalanops aromatica</i>	2012	HS Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan

Petak Fenologi

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menubuhkan beberapa petak fenologi di HSK negeri Perak bagi tujuan memerhati perubahan pada pokok dan menentukan masa yang sesuai untuk membuat kutipan biji benih. Justeru itu, seksyen ini bertanggungjawab membuat pemantauan secara bulanan dan maklumat pemerhatian fenologi yang diperolehi pada setiap bulan akan dilaporkan ke dalam *Electronic Forest Genetic Resources System* (e-FORGRIS) mengikut kod fenologi yang telah ditetapkan.

RAWATAN DAN PENYELENGGARAAN LADANG HUTAN

Peruntukan diterima sebanyak RM 250,000.00

Perbelanjaan Sebanyak RM 246,175.00

Baki sebanyak RM3,825.00

Projek-projek merangkumi aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan petak tanaman ladang hutan iaitu:


1. Petak Multi-Storied Forest Management (MSFM) di HS Chikus, Daerah Perak Selatan
2. Petak tanaman getah di Kledang Saiong, Daerah Hutan Kinta/Manjung.

Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman JPNP^k

Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengatur dan memantau kelengkapan peralatan serta aktiviti pengutipan biji benih pokok hutan di seluruh negeri Perak. Aktiviti perolehan biji benih ini adalah menggunakan kaedah ***single and double rope technique*** yang telah dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan

Seramai 17 orang kakitangan telah dilantik secara rasmi bagi menganggotai pasukan ini. Kakitangan yang berminat akan diberi latihan asas berkaitan peralatan dan kaedah ikatan. Selanjutnya, kakitangan yang terpilih akan diberi latihan lanjutan bagi memberi kemahiran dan keyakinan terutamanya kepada pemanjat yang akan berkerja di atas dahan pokok. Pada tahun 2019, Jabatan telah menganjurkan Kursus Asas Perolehan Biji Benih Dan Bahan Tanaman di Hutan Lipor Kuala Woh, Tapah, Perak pada 9-11 Julai 2019 manakala pihak JPSM telah menganjurkan Kursus Kemahiran Lanjutan Pasukan Perolehan Biji Benih JPSM Tahun 2019 di Pusat Eco-Tourism Sg. Manyala, Port Dickson Negeri Sembilan pada 6-9 Ogos 2019.

Selain aktiviti memanjat untuk mendapatkan biji benih, pasukan ini turut diberi tanggungjawab untuk mengadakan demonstrasi perolehan biji benih serta pameran peralatan dan kelengkapan memanjat dalam majlis-majlis anjuran jabatan seperti semasa Majlis Perhimpunan Bulanan, program Jungle Park in Town, Lawatan Kerja Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli ke Ladang Eucalyptus Lenggong, Perak.



Sehingga Disember 2019 sejumlah 348.7 kg biji benih telah berjaya dikutip dan telah diedarkan ke tapak-tapak semaihan daerah hutan untuk tujuan semaihan. Spesies pokok yang telah dikutip adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Rekod Kutipan Biji Benih oleh Pasukan Perolehan Biji Benih Dan Bahan Tanaman JPNP^k

BIL.	LOKASI	SPESIS	JUMLAH KUTIPAN (KG)
1.	HS Bukit Tapah, PS	Kapur	16.6
2.	HS Bukit Tapah, PS	Kapur	2.2
3.	Tapak Semaian Air Ganda, HP	Chengal	5.0
4.	Tapak Semaian Air Ganda, HP	Chengal	5.0
5.	HS Pondok Tanjung, LM	Keruing Bulu	35.6
6.	HS Bukit Tapah, PS	Kapur	5.0
7.	TK Mukim Kuala Slim, PS	Keruing Kesat	16.0
8.	HS Chikus, PS	Mt. Temak Nipis	12.6
9.	TK Mukim Kuala Slim, PS	Keruing Kesat	9.0
10.	HS Chikus, PS	Mt. Temak Nipis	65.0
11.	HS Papulut, HP	Keruing Gasing	22.0
12.	HS Chikus, PS	Chengal	11.0
13.	HS Gerik, HP	Mt. Seraya	14.5
14.	HS Gerik, HP	Keruing Gondol	21.6
15.	HS Gerik, HP	Keruing Gondol	16.4
16.	HS Padang Chong, HP	Mt. Tembaga	12.0
17.	HS Gerik, HP	Keruing Gondol	11.0
18.	HS Padang Chong, HP	Mt. Tembaga	14.0
19.	HS Korbu, KK	Gerutu-Gerutu	54.2
JUMLAH KESELURUHAN			348.7

Pasukan Semut Merah Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Pasukan ini telah ditubuhkan sejak tahun 2008 dan bertanggungjawab mengenalpasti dan memantau kawasan titik panas melalui maklumat yang dijana oleh *Fire Information for Resources Management System (FIRMS)* yang disalurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Selain itu, pasukan juga bertanggungjawab membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam melaksanakan operasi pemadaman kebakaran hutan dengan bantuan kakitangan pejabat hutan daerah.

Pada tahun 2019 seramai lapan (8) orang kakitangan telah dilantik bagi menganggotai pasukan ini. Beberapa kursus kebombaan pernah dihadiri oleh ahli pasukan ini antaranya Kursus Pencegahan Dan Pengawalan Kebakaran Hutan JPSM yang telah diadakan di Wakaf Tapai, Marang Terengganu pada tahun 2018. Manakala satu kursus telah dianjurkan oleh Jabatan dengan kerjasama JPBM pada tahun 2019 iaitu Kursus Keselamatan Kebakaran Hutan Dan Pertolongan Cemas (Response & Rescue) JPNPK.

Pasukan semut merah JPNPK terdiri daripada ahli seperti di **Jadual 3**.

Sepanjang tahun 2019, beberapa operasi pemadaman kebakaran hutan telah dilaksanakan. Rekod kes kebakaran hutan di negeri Perak sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 3 : Senarai Ahli Pasukan Semut Merah Jabatan Perhutanan Negeri Perak

BIL. NAMA	JAWATAN
1. Mohd Fakhri bin Mat Radzi	Pen. Pemelihara Hutan Gred G29
2. Shamsuri bin Mohamad	Pengawas Hutan Gred G19
3. Suhaimi bin Ibrahim	Pengawas Hutan Gred G19
4. Harimanali bin Mohd Rasdi	Pengawas Hutan Gred G19
5. Mohd Baharom bin Rohani	Pengawas Hutan Gred G19
6. Abdul Razak bin Wahi	Pengawas Hutan Gred G19
7. Megat Ismail bin Megat Saari	Pembantu Awam Gred H11
8. Hamali bin Alias	Pemandu Gred H11

Jadual 4 : Maklumat Kes Kebakaran Dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak


BIL.	TARIKH	LOKASI	KELUASAN (HA.)	PUNCA KEBAKARAN
1.	24.02.2019	Tanah Kerajaan Mukim Lekir, Daerah Hutan Kinta/Manjung	0.2	Pembakaran Terbuka Sampah
2.	27- 28.02.2019	Hutan Simpan Amanjaya Daerah Hutan Hulu Perak	12.0	Api rokok dan keadaan cuaca panas
3.	01- 02.03.2019	Kompertmen 2 & 4 Hutan Simpan Belukar Semang Daerah Hulu Perak	3.5	Pencerobohan untuk pertanian
4.	06 - 07.03.2019	Kompertmen 143 & 144 Hutan Simpan Korbu Daerah Kuala Kangsar	0.01	Pencerobohan untuk pertanian
5.	19.03.2019	Kompertmen 147 & 148 Hutan Simpan Korbu Daerah Kuala Kangsar	5.0	Pencerobohan untuk pertanian
6.	23 - 24.09.2019	Kompertmen 21 Hutan Simpan Gunung Besout Daerah Hutan Perak Selatan	18.04	Pembakaran terbuka bagi tujuan pembersihan
JUMLAH KESELURUHAN				38.75

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk memantau perlaksanaan dan menyelia segala aktiviti yang mempunyai risiko melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memastikan kakitangan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitiannya sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat setakat yang mampu. Ini bagi memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang telah diwujudkan.



CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

Buluh / Rotan Dan Herba

Program di bawah pembangunan hutan bukan kayu meliputi kerja-kerja tanaman dan rawatan bagi tanaman buluh / rotan dan herba. Dalam tahun 2019, peruntukan yang diberikan untuk Projek Tanaman Buluh/Rotan adalah sebanyak RM20,000.00. Seksyen ini telah melaksanakan kerja-kerja rawatan dan penyelenggaraan tanaman pelbagai spesies buluh dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM19,780.00 (98.9%). Bagi projek di bawah Tanaman Herba Hutan, peruntukan adalah sebanyak RM20,000.00 telah diperolehi. Seksyen telah membelanjakan peruntukan tersebut sebanyak RM19,611.00 (98.1%) dengan membina kerja-kerja menaiktaraf landskap halaman herba di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Penyelenggaraan Taman Herba Papan

Penyelenggaraan Taman Herba Papan merangkumi projek membina pagola dan pokok hiasan di halaman herba desa dan lain-lain kerja yang berkaitan di

Halaman Eko-Rimba, Taman Herba Papan. Peruntukan ini juga dibelanjakan bagi tujuan membekalkan peralatan dan keperluan untuk kakitangan di Taman Herba Papan. Sebanyak RM 49,645.00 (99%) daripada RM 50,000.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2019.

Kursus & Latihan Perhutanan


Jabatan ini komited terhadap program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan terutamanya berkaitan skop perhutanan. Pada tahun 2019, sejumlah RM170,000.00 telah diperuntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tujuan Kursus dan Latihan Kakitangan. Sehingga Disember 2019, sebanyak RM147,648.35 (86.85%) telah dibelanjakan bagi menganjurkan 20 kursus seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Senarai Kursus Yang Dilaksanakan Tahun 2019

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Kursus Amali Dendrologi PHD Kuala Kangsar	16 Januari 2019	Taman Eko Rimba Ulu Kenas	50 orang
2.	Kursus Pengenalan Dan Penggunaan Sistem E-Geospatial Perhutanan (E-GP)	22 - 23 Januari 2019	Bilik Latihan, Bahagian Pengurusan Maklumat	35 orang
3.	Kursus Kesedaran Dan Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 Bagi Hutan Paya Laut Matang	11 - 13 Februari 2019	Pejabat Hutan Daerah Larut/Matang	25 orang
4.	Kursus Pemahaman Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pind 2013)	26 - 28 Februari 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg.Siput (U)	40 orang
5.	Kursus Pengurusan Tapak Semaian Dan Bahan Kimia	12 - 14 Mac 2019	Taman Eko Rimba Ulu Kenas	32 orang
6.	Kursus Pemahaman Kriteria, Petunjuk Dan Verifier Mengikut Standart MC&I (Hutan Asli)	26 - 28 Mac 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	43 orang
7.	Kursus Keselamatan Kebakaran Hutan Dan Pertolongan Cemas (Respond & Rescue)	9 - 11 April 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	33 orang

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
8.	Kursus Pengurusan Bahan Terjadual	15 - 16 April 2019	Taman Eko Rimba Ulu Kenas	30 orang
9.	Kursus Pemantapan Pengukuasaan Siasatan	22 - 26 April 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 orang
10.	Kursus "Water Confident"	29 - 30 April 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 orang
11.	Kursus Pemanduan Dan Pengendalian Pauan Empat Roda (4x4)	02 - 04 Julai 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	35 orang
12.	Kursus Asas Perolehan Biji Benih Dan Bahan Tanaman	09-11 Julai 2019	Taman Eko Rimba Kuala Woh	42 orang
13.	Kursus Pembangunan Hutan (Pre-F Dan Post-F) Dan Penandaan Pokok	16 - 18 Julai 2019	Taman Eko Rimba Ulu Kenas	35 orang
14.	Kursus Pengurusan Balai Pemeriksaan Hutan Dan Sistem Akuan Hasil Hutan	23 - 25 Julai 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	35 orang
15.	Kursus Modul Asas Perhutanan	19 - 23 Ogos 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	55 orang
16.	Kursus Pengecaman Isi Kayu	26 - 29 Ogos 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	55 orang
17.	Kursus Pengecaman Spesis Paya Laut	30 Ogos 2019	Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang	55 orang
18.	Kursus Penilaian Impak Sosial (SIA) Dalam Pengurusan Hutan	03 - 05 September 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	40 orang
19.	Kursus Teknik Tebangan Pokok Secara Berarah	22 - 25 Oktober 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	50 orang
20.	Kursus Pemahaman Dan Penggunaan GPS & GIS Dalam Perhutanan	29 - 31 Oktober 2019	Dewan Rimbawan JPNPK	40 orang
21.	Kursus Pengecaman Balak	12 - 14 November 2019	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	40 orang





ARTIKEL 2019

T a m a n T a s e k E m b a y u , P r o t o n C i t y T a n j u n g M a l i m

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 2019



Pada 21 Oktober 2019 telah diadakan Program Restorasi Tebing Sungai Perak Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2019 di Persisiran Tebing Sungai Perak, Kampung Sayong Tebing, Kuala Kangsar yang bertemakan "Hutan dan Pendidikan". Sambutan ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah. Majlis ini turut diserikan lagi dengan keberangkatan tiba Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan serta Duli Yang Amat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan yang berkenan mencemar duli berangkat ke majlis ini serta memeriah-serikan lagi Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2019 ini.

Pemilihan lokasi sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2019 adalah berdasarkan kerjasama strategik di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak yang mana kawasan ini akan dibangunkan sebagai sebuah Taman Botani DiRaja Kuala Kangsar dan merupakan Taman Botani DiRaja yang pertama di

Negeri Perak. Bagi merealisasikan penubuhan Taman Botani DiRaja ini, pelbagai jenis pokok akan ditanam di kawasan sepanjang 5 kilometer persisiran Sungai Perak ini. Sehingga kini, sebanyak 300 pokok Ara telah berjaya ditanam dengan kerjasama pelbagai agensi.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2019 adalah Hutan dan Pendidikan. Tema ini amat bertepatan sekali dengan isu-isu semasa perhutanan dan ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada hutan yang diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Melalui amalan pengurusan hutan ini, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengekalkan dan mengurus sejumlah 988,603.94 hektar kawasan berstatus Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan 474,882.34 hektar sebagai hutan perlindungan dan 513,721.60 hektar sebagai hutan pengeluaran. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan terus komited dalam memastikan jumlah keluasan HSK di negeri ini kekal menjadi antara negeri dengan jumlah keluasan HSK yang tinggi selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk memastikan litupan berhutan berada pada tahap 50%. Bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar, hidupan liar, perlindungan tanah dan sumber bekalan air



mentah yang mencukupi, sejumlah 474,882.34 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal telah diklasifikasi sebagai Hutan Perlindungan di mana 295,400 hektar adalah sebagai Hutan Tadahan Air. Dalam mengurus sumber hutan di negeri ini secara Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mencapai beberapa kejayaan sepanjang tahun 2019. Di antaranya:

- i. menyumbang kepada hasil negeri sebanyak RM56 juta melebihi sasaran awal sebanyak RM50 juta;
- ii. melaksanakan Program Penghijauan melalui Aktiviti Penanaman Pokok sebanyak 3 juta;
- iii. melaksanakan sebanyak 10 Program Hutan Sosial melibatkan masyarakat setempat dan Orang Asli;
- iv. meningkatkan mutu penyampaian dalam pengemaskinian *Standard Operation Procedure* sedia ada dan mengoptimumkan penggunaan sistem secara atas talian; dan
- v. melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.

Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya mengekalkan Pensijilan Pengurusan Hutan [MC&I (Hutan Asli)] bagi tempoh 5 tahun lagi bermula 2019-2024. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan kejayaan yang besar bagi Kerajaan Negeri Perak di mana Negeri Perak merupakan salah satu daripada lima (5) negeri di Semenanjung Malaysia yang berjaya mengekalkan sijil ini. Dengan pengekalan sijil pengurusan hutan ini, hasil hutan daripada Negeri Perak boleh diperdagangkan dipasaran antarabangsa.

Majlis sambutan ini juga turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Abu Bakar Bin Haji Said, Pegawai Kewangan Negeri Perak, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak dan YBhg. Dato' Ridza Bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah telah berkenan membuat lafadz perasmian dan meletakkan replika daun pokok Merbau sebagai simbolik perasmian serta diiringi tayangan montaj kejayaan program penanaman pokok yang telah dijalankan sepanjang tahun.

Selain itu, baginda Sultan telah berkenan untuk menyampaikan anak pokok kepada Pegawai Daerah Kuala Kangsar, penyerahan sijil Program Bantuan Peningkatan Ekonomi B40 kepada Tok Batin Kampung Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, penyerahan sijil penghargaan kepada Pertubuhan Sahabat Bakau Lekir dan Sahabat Bakau Kuala Gula serta lawatan ke booth pameran. Baginda Sultan juga telah berkenan untuk menanam anak pokok Merbau yang telah diumumkan sebagai Pokok Kebangsaan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 23 Ogos 2019 yang lalu.

Diharapkan agar sektor perhutanan di Negeri Perak Darul Ridzuan ini dapat terus memainkan peranan yang penting serta memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan sosio ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan kualiti hidup rakyat di Negeri Perak.

PELANCARAN PROGRAM PERAK OXYGEN-LAND BANK

Majlis Pelancaran Program Perak Oxygen-Land Bank yang diperkenalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diadakan pada 20 November 2019 bertempat di Hotel Casuarina Meru, Ipoh. Sebanyak 22 buah syarikat telah menyumbang RM166,000.00 kepada Kerajaan Negeri Perak dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan kepada para penyumbang.

Perak Oxygen-Land Bank merupakan projek perintis berkonsepkan pokok angkat yang diwujudkan di Negeri Perak. Ia merupakan inisiatif Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam merancakkan aktiviti pemulihian, mewujudkan taman riadah berkonsepkan alam semula jadi baharu untuk kunjungan dan meningkatkan kualiti hutan serta menggalakkan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan berkaitan perhutanan.



Pada peringkat awal, projek ini akan memberi tumpuan kepada petak tanaman sedia ada yang telah ditubuhkan pada tahun 1991 iaitu di Hutan Simpan Chikus, Bidor seluas 71.15 hektar. Satu keunikan berkaitan petak ini adalah ia merupakan satu-satunya hutan Dipterokarpa tanah pamah yang terdapat di negeri Perak dengan keluasan 2,533.76 hektar.

